




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 271 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 31,057 kes. Empat (4) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) kes di Daerah Tawau dan masing-masing satu (1) di Tuaran dan Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 237 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 28,038 orang. Sejumlah 2,005 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 631 orang di hospital dan 1,374 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 64 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Tiada kluster baharu dicatatkan.
- 5 Daripada 271 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 120 kes (44.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 15 daerah, 69 kes (25.46%) daripada saringan kluster sedia ada, saringan bergejala 53 kes (19.6%), saringan komuniti lapan (8) kes (3%), Saringan Tempat Kerja 16 kes (5.9%) dan 5 kes (1.8%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,777 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,806 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 29.46%.

B. KEBENARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SABAH

- 1 Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan cadangan Mufti Negeri Sabah untuk membenarkan aktiviti di masjid dan surau ketika PKPB berkuat kuasa mulai 7 Disember 2020 hingga 20 Disember 2020 seperti berikut:
 - i. Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** untuk melaksanakan solat berjemaah lima waktu dan solat jumaat di **SEMUA ZON NEGERI SABAH**.
 - ii. Bilangan jemaah solat lima waktu di masjid dan surau bagi seluruh zon di Negeri Sabah ialah 1/3 kapasiti dewan solat utama masjid dan surau. Manakala, bilangan ahli solat jumaat adalah mengikut keluasan dewan solat utama masjid dan surau dengan mengambil kira penjarakan fizikal.
 - iii. Aktiviti dan program masjid dan surau dibenarkan dalam tempoh tidak melebihi satu jam seperti kuliah Maghrib, Dhuha dan sebagainya.
 - iv. Aktiviti kelas agama dibenarkan diadakan di dewan atau bilik khas masjid tidak melebihi lima jam dan bilangan peserta tidak melebihi 20 orang dengan menjaga disiplin diri dan mematuhi semua SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib.
 - v. Majlis akad nikah dibenarkan diadakan di dewan atau bilik khas masjid dengan kehadiran tidak melebihi 20 orang mengikut saiz ruang majlis dengan menjaga disiplin diri dan mematuhi semua SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib seperti jamuan makan dan minum dalam bentuk bungkusan sahaja yang dibenarkan.
 - vi. Had umur kanak-kanak yang dibenarkan hadir ke masjid dan surau adalah 10 tahun ke atas.

C. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI

- 1 Semua fasiliti perubatan tradisional dan komplementari termasuk fasiliti pengamal pengubatan Islam adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan syarat mematuhi SOP Sektor Kesihatan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara;
- 2 Antara perkara yang ditetapkan ialah petugas mesti sentiasa memakai alat perlindungan diri apabila berurusan dengan pelanggan. Pelanggan wajib memakai pelitup muka, menjalani saringan suhu badan dan gejala di pintu masuk premis dan menggunakan Aplikasi MySejahtera atau secara manual;
- 3 Setiap sesi perkhidmatan yang diberikan tidak boleh melebihi tempoh 1 jam. Perkhidmatan secara berpasangan atau berkumpulan adalah **DILARANG**;
- 4 Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cecair tubuh seperti kahak, hingus, lendir dan muntah adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- 5 Minyak yang digunakan adalah khusus untuk seorang pelanggan dan tidak boleh dikongsi; dan
- 6 Pemakaian sarung tangan oleh pengamal juga adalah **DIWAJIBKAN** bagi sebarang perawatan dengan sentuhan. Manakala, alas pakai buang atau linen yang digunakan semasa perkhidmatan seperti cadar, sarung bantal, tuala dan kain perlu ditukar selepas setiap sesi perkhidmatan.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **283,603** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.03%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Semporna	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Kunak	97%
19	Ranau	96%

F LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) premis di empat (4) buah daerah iaitu Beluran, Semporna, Keningau dan Tawau.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 123 lokasi di 18 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Mandarin, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

G BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 179 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
8 Disember 2020**